



PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PEMBANGUNAN)

Bilangan 6 Tahun 2021

KELESTARIAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA MELALUI UiTM GREEN CENTRE (UGC)

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Universiti telah bersetuju untuk mewujudkan gerakan kelestarian Universiti Teknologi MARA secara bersepadu dan berpusat di seluruh sistem UiTM.

LATAR BELAKANG

2. Kelestarian merujuk kepada usaha-usaha masyarakat dalam memenuhi keperluan pengguna masa kini tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang. Agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) 2030 untuk pembangunan lestari telah dipersetujui dan diguna pakai oleh semua Negara Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sejak tahun 2015.
3. Mesyuarat Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 34/2020 telah bersetuju dengan penubuhan UiTM Green Centre (UGC) di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. Penubuhan ini selari dengan perancangan strategik UiTM 2020-2025 di bawah Strategik Tema 8 (Kampus Pintar) bagi mendukung agenda kelestarian di peringkat universiti, masyarakat dan seterusnya peringkat global.
4. UiTM Green Centre (UGC) telah dipertanggungjawabkan untuk merancang, menggubal, menyelaraskan, melaksana dan memantau semua aktiviti, inisiatif, dan inovasi ke arah satu pembentukan ekosistem kampus lestari hijau UiTM yang holistik.
5. Pengumpulan dan penyelarasan data berpusat di UGC adalah bagi pelbagai tujuan termasuk penarafan universiti di peringkat nasional dan antarabangsa, memastikan perancangan aktiviti/inisiatif/program lebih sistematik dan berimpak dan memastikan pelaksanaan di peringkat PTJ/Fakulti/Kampus lebih efisien dan efektif. Penglibatan semua warga kampus amat diperlukan bagi mencapai tujuan ini.

PELAKSANAAN

6. Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 16/2021 pada 19 Mei 2021 telah meluluskan permohonan untuk mewujudkan jawatan Felo di UiTM Green Centre (UGC) dan jawatan Penyelaras di PTJ/Fakulti/Kampus.
7. Pelaksanaan kepada semua PTJ/Fakulti/Kampus.
8. PTJ/Fakulti/Kampus bertanggungjawab untuk memaklumkan semua aktiviti, inisiatif dan inovasi yang dijalankan kepada pihak UiTM Green Centre (UGC).
9. PTJ/Fakulti/Kampus bertanggungjawab untuk membuat pelaporan aktiviti kelestarian secara berkala setiap suku tahun.

PEMAKAIAN

10. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua warga Universiti Teknologi MARA.

TARIKH DIKELUARKAN

11. Pekeliling ini dikeluarkan pada 26 Jun 2021.

TARIKH KUAT KUASA

12. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2021.



PROF. DATO' Ts. Dr. HAJI MOHD FOZI ALI
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

Dikelilingkan kepada:

*Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Warga UiTM*

*Bil. Fail: 100-PPII (UGC 6/7/3)
No. Siri: Pekeliling TNC (Pembangunan)*